SIARAN SERTA MERTA
NRES.100-9/1/2 JLD 2 (36)

KEMENTERIAN SUMBER ASLI
DAN KELESTARIAN ALAM

SIARAN MEDIA

KARNIVAL ALAM KITA 2026: NRES MERAKYATKAN AGENDA KELESTARIAN KEPADA KOMUNITI DI JOHOR

Karnival Alam Kita (KAK) 2026 anjuran Kementerian Sumber Asli dan Kelestarian Alam (NRES) kini meneruskan kesinambungannya ke Negeri Johor sebagai program turun padang untuk memperkukuh kesedaran dan tindakan masyarakat dalam memelihara alam sekitar menerusi amalan gaya hidup hijau.

Program yang berlangsung di Dewan Muafakat Bukit Gambir, Tangkak, Johor ini telah disempurnakan perasmiannya oleh Timbalan Menteri Sumber Asli dan Kelestarian Alam, YB Tuan Syed Ibrahim bin Syed Noh. Turut hadir menjayakan program ini ialah Timbalan Ketua Setiausaha (Sumber Asli) NRES, YBhg Dato' Khalid bin Mohamed dan Pegawai Pendidikan Daerah Tangkak, Encik Khairul Hizam Hassan.

Dalam ucapan perasmiannya, YB Tuan Syed Ibrahim menegaskan bahawa agenda kelestarian bukanlah tanggungjawab kementerian semata-mata, sebaliknya ia merupakan amanah yang perlu dipikul bersama bermula di rumah, sekolah, tempat kerja dan di dalam komuniti.

"Bila kita sebut tentang sumber asli atau kelestarian alam, ramai terus terfikir tentang REE, mineral, e-waste, perubahan iklim atau perhutanan. Hakikatnya, semua isu ini sangat dekat dengan kehidupan kita. Cabaran sebenar ialah bagaimana kita menyampaikan isu-isu ini dalam bahasa yang lebih mudah difahami, lebih dekat dengan kehidupan seharian dan membuatkan rakyat rasa mereka juga mempunyai peranan," kata beliau.

Beliau menambah, pendekatan penganjuran KAK tahun ini adalah untuk membawa pelbagai maklumat, teknologi, perkhidmatan dan peluang terus kepada rakyat agar mereka dapat mengalami sendiri bagaimana amalan kelestarian boleh dipraktikkan.

Bagi merintis revolusi hijau dan memastikan kelestarian alam terus terpelihara pada masa hadapan, karnival ini turut menyaksikan peluncuran Program Duta Muda Alam buat julung kalinya. Program ini merupakan inisiatif latihan kesedaran alam sekitar dalam kalangan remaja sekolah yang bertujuan membina barisan pemimpin masa depan yang akan membimbing komuniti dan keluarga tentang amalan gaya hidup lestari.

Selain itu, pelaksanaan program Kutip Sampah Sambil Riadah (KUDAH) oleh Skuad NRES Lestari bersama-sama rakan strategik, Bateriku (M) Sdn. Bhd. pada karnival ini turut menyokong strategi besar NRES dalam menerajui transformasi ekonomi hijau negara, antaranya ke arah pencapaian aspirasi "Net Zero Carbon" seawal tahun 2050. Melalui aktiviti pada hari ini, sebanyak 17.3 kg botol plastik telah berjaya dikutip daripada keseluruhan 37 kg sisa yang dikumpulkan. Jumlah ini dianggarkan menyumbang kepada pengurangan pelepasan karbon sebanyak 43.2 kg CO_2e. Pengurangan tersebut bersamaan dengan pelepasan karbon daripada pemanduan sebuah kereta petrol sejauh kira-kira 100 kilometer atau penggunaan elektrik sebuah isi rumah selama sekitar tiga hingga empat hari.

Secara keseluruhannya, KAK 2026 terus membawakan pelbagai pengisian interaktif bersama agensi-agensi kerajaan, pertubuhan bukan kerajaan (NGO) dan rakan strategik, termasuk kempen kitar semula sisa elektronik (e-waste) dan minyak masak terpakai, pameran kesedaran biodiversiti, serta jualan produk hijau. Penganjurannya mencerminkan komitmen jitu kerajaan bagi memastikan generasi akan datang dapat mewarisi persekitaran yang bersih, lestari, dan sejahtera.

KEMENTERIAN SUMBER ASLI DAN KELESTARIAN ALAM (NRES)
18 JULAI 2026

Unit Komunikasi Korporat I Kementerian Sumber Asli dan Kelestarian Alam(NRES)
Tel. : 03-8000 8000 I Faks : 03-8889 4763